

# SENI UKIRAN

Buku ini diterbitkan dengan tujuan untuk merekod seni ukiran perkuburan lama kaum Jatti Miriek dan mengkaji perbandingannya dengan seni ukiran Melayu tradisional. Kajian lapangan telah dilakukan di beberapa buah tapak perkuburan lama kaum Jatti Miriek seperti di Lat Suran, Tab Sinak, Likauh Buie, Babutan, Song Lekang, Merafak , Bakam, Pelapi, Menjelin, Siwak Jaya, Luheng, Tanjung Lobang, Makam Permaisuri dan Katong. Melalui kerjasama antara Pustaka Negeri Sarawak, Miri bersama Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Persatuan Jatti Miriek Miri, penerbitan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan dalam memartabatkan adat dan budaya kaum Jatti Miriek daripada hilang ditelan zaman. Buku ini akan turut menerangkan amalan dan kepercayaan kaum Jatti Miriek dalam pengurusan upacara adat kematian terutama sebelum dan selepas kedatangan Islam. Hasil kajian ini juga akan dikongsi menggunakan pendekatan *Augmented Reality* (AR) sebagai salah satu kaedah penyampaian maklumat secara interaktif menggunakan teknologi terkini dengan pembaca.



**SENI UKIRAN PERKUBURAN LAMMA JATTI MIREK  
SIRI SARAWAKIANA**

SIRI SARAWAKIANA



SENI UKIRAN PERKUBURAN LAMA

Jatti Miriek







SIRI SARAWAKIANA

SENI UKIRAN PERKUBURAN LAMA

Jatti Miriek



SIRI SARAWAKIANA

SENI UKIRAN PERKUBURAN LAMA

*Jatti Miriek*

Oleh:

Yakup Mohd Rafee. Ph.D

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

2019

**© 2019 PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

Hak cipta terpelihara. Karya yang disiarkan di dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pustaka Negeri Sarawak.

*Diterbitkan oleh*

**Pustaka Negeri Sarawak, Miri**

Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak, Malaysia.  
Tel: (60)85-422525 (General Line) Fax: (60)85-414444 E-mel: librarian@sarawak.gov.my

*Dicetak oleh*

**Pantas Sejahtera Sdn. Bhd.**

Sublot 8, Parent Lot 2985, Block 12 Muara Tebas Land District, TRV 1 Light Industrial Estate, Off Jalan Setia Raja, 93350 Kuching, Sarawak.  
Tel: (60)12-8898850 / (60)12-8531638 Fax: (60)82-412696 E-mel: pantas.sejahtera@gmail.com

Penulis /

**Yakup Mohd Rafiee**

Editor /

**Sylvester Wielding Jussem  
Awangko' Hamdan Awang Arshad**

Penolong Editor /

**Robiah Tani  
Haji Ujut Rahman**

Dokumentasi Aerial /

**Mohamad Zamhari Abol Hassan  
Ashraf Antigau**

Video /

**Mohd Shahmin Sahari**

Fotografi /

**Bartolomew Andoy Antas  
Mohammad Bahiri Ahmad  
Md. Arie Amizam Masri**

Rekabentuk /

**Jasmine Wee Shu Ping**

Ilustrasi /

**Yakup Mohd Rafiee**

Penyelidik Bersama /

**Doris Maying**

---

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Yakup Mohd. Rafiee, Dr.

SENI UKIRAN PERKUBURAN LAMA : Jati Miriek / Oleh: Yakup Mohd Rafiee.

(SIRI SARAWAKIANA)

ISBN 978-967-16578-2-9 (hardback)

1. Wood-engraving--Malaysia--Sarawak.

2. Ethnic art--Malaysia--Sarawak.

3. Sepulchral monuments in art.

4. Ethnology--Malaysia--Sarawak.

5. Government publications--Malaysia.


I. Judul. II. Siri.

761.20959522









Buku ini dilengkapi dengan aplikasi *Augmented Reality* bagi memberi kesan interaktif visual kepada pembaca. Sila ikuti panduan di bawah bagi tujuan tersebut.

## Panduan

01

Muat turun aplikasi *Artivive* dari QR code di bawah.

02

Posisikan alat peranti anda ke atas gambar yang mempunyai logo untuk memaparkan kesan *Augmented Reality*.



QR code



Artivive Logo





# Kandungan

XII-XIII	oooooooooooo	01 Seungkap Bicara
XIV-XV	oooooooooooo	02 Seindah Madah
XVI-XVII	oooooooooooo	03 Pendahuluan
1-10	oooooooooooo	04 Nisan
11-22	oooooooooooo	05 Adat Kematian Kaum Jatti Miriek ~~~~~ Pantang Larang
23-28	oooooooooooo	06 Seni Ukiran Tradisional
29-48	oooooooooooo	07 Ukiran Nisan Jatti Miriek ~~~~~ Motif ~~~~~ Teknik ~~~~~ Pola
49-120	oooooooooooo	08 Galeri Ukiran
121-122	oooooooooooo	09 Penutup
123-124	oooooooooooo	10 Rujukan
125-128	oooooooooooo	11 Penghargaan
129-136	oooooooooooo	12 Di Sebalik Tabir
137-138	oooooooooooo	13 Indeks

[01]

# Seungkap Bicara


TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAMID BUGO



Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat difaham menerusi warisan seni dan objek budayanya. Begitulah juga dengan Kaum Jatti Miriek di Miri, Sarawak. Walaupun bilangan mereka kecil namun usaha pemeliharaan dan pemuliharaan objek budaya adalah usaha penting untuk memastikan kita secara kolektif menyediakan ruang dan peluang kepada masyarakat untuk kembali menyelidik, mengkaji dan menyusur asal-usul serta mendokumentasikannya untuk legasi di masa hadapan.

Ahli sejarah dan ahli akademik terkenal Belanda, Johan Huizinga (1872-1945) pernah menyatakan '*if we are to preserve culture, we must continue to create it*'. Ia begitu berkesan kerana ia menggesa masyarakat untuk sentiasa melihat budaya sebagai sesuatu yang dinamik dan meraikan persamaan nilai, adat budaya, kepercayaan dan objek budaya bagi memartabatkan jati diri sesuatu kaum dan etnik. Ia membuka banyak lebaran baru mengenai sesuatu kaum dan etnik yang mungkin tidak pernah diketahui dan diterokai sebelum ini. Ini sekaligus dapat mengembangkan budaya mereka kepada masyarakat lain dan tidak hanya sebagai tinggalan sejarah semata-mata.

Penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Persatuan Jatti Miriek, Miri, UNIMAS dan semua yang terlibat dalam penerbitan Siri Sarawakiana ini kerana sekali lagi telah berjaya bekerjasama dengan Pustaka bagi menggalas amanah memperkuatkhan jati diri dan warisan kesenian serta kebudayaan anak Sarawak.



**TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAMID BUGO**

Pengerusi, Lembaga Pengurusan  
Pustaka Negeri Sarawak

[02]

# Seindah Madah

DATUK HAJI ABDILLAH BIN HAJI ABDUL RAHIM



Saya mengucap terima kasih kepada Pustaka Negeri Sarawak kerana telah menerbitkan buku ini yang bertajuk Seni Ukiran Perkuburan Lama Jatti Miriek dan juga pihak UNIMAS dari Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif kerana telah membuat kajian dan dokumentasi ke atas bentuk dan ukiran nisan di perkuburan orang Jatti Miriek di Miri yang dipamerkan dalam buku ini. Saya juga mengucap terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Jatti Miriek Miri (PJMM) dan beberapa orang ahli yang lain kerana telah memberi sokongan dan bantuan kepada pihak UNIMAS dalam kerja-kerja luar mereka.

Sepertimana yang sedia maklum, tidak banyak maklumat yang didapati mengenai kaum Jatti Miriek kerana kekurangan tulisan awal tentang mereka. Oleh yang demikian, tidak ramai yang sedar tentang kewujudan kaum ini. Alhamdulillah kami telah dapat serba sedikit mengenangkan kaum Jatti Miriek dengan mempamerkan pakaian dan tarian mereka di majlis-majlis di mana mereka telah dijemputkan dan menulis sebuah buku bertajuk "Panduan Bercakap Bahasa Jatti Miriek (terjemahan daripada Bahasa Melayu) dalam tahun 2008. Pada masa ini kami sedang membuat edisi yang kedua. Selain itu, sebuah buku berkaitan Budaya Tradisi Kaum Jatti Miriek yang menyentuh adat perkahwinan telah turut diterbitkan melalui Siri Sarawakiana pada tahun 2018. Walaupun kumpulan etnik kaum Jatti Miriek ini adalah kecil bilangannya dan berselerak di kawasan Miri, Baram, Sibuti dan Kuala Belait (Negara Brunei Darussalam) keunikan ukiran kayu nisan di perkuburan mereka adalah satu warisan yang perlu dipelihara supaya seni ini dapat dilanjutkan dan dinikmati oleh semua penggiat seni.

Kerjasama yang diterajui oleh Pustaka Negeri Sarawak dan disertai dengan kepakaran pihak UNIMAS telah dapat menampilkan kemahiran kaum ini dalam seni ukiran di zaman dahulu. Adalah diharapkan seni ukiran kaum-kaum yang kecil ini dapat diperbaiki dan dipertingkatkan dengan adanya teknologi baru dalam bidang berkenaan.

Kami berharap pihak kerajaan akan mengambil tindakan untuk memilih salah satu dari lokasi perkuburan orang Jatti Miriek untuk dijadikan kawasan warisan supaya seni ukiran kayu di atas nisan itu dapat dilihat oleh semua orang termasuk para pelancong ke Bandaraya Miri.

Akhir kata, kami memberi setinggi-tinggi penghargaan kepada Pustaka Negeri Sarawak dan UNIMAS di atas usaha mereka memelihara warisan budaya kaum Jatti Miriek supaya ianya tidak pupus dan tentu sekali akan dapat memberi manfaat kepada orang-orang yang ingin mempelajari budaya kaum etnik di Sarawak.



---

**DATUK HAJI ABDILLAH BIN HAJI ABDUL RAHIM**  
Presiden  
Persatuan Jatti Miriek Miri

# PENDAHULUAN



[03]

Buku ini bertujuan untuk mengumpul dan mengkaji struktur dalam motif ukiran kayu nisan tradisional kaum Jatti Miriek dan bagaimana unsur-unsur itu dianjurkan atau diatur untuk membentuk motif keseluruhan. Kaum Jatti Miriek merupakan penduduk asal bumiputera di bandar Miri, Sarawak. Mereka juga terdapat di Miri, Pujut (Unan) Bakam, Lopeng (Luheng), Lutong, Bekenu, Kuala Baram (Long Utan) Sibuti, Marudi, Tutong Brunei, Temburong Brunei, dan Kuala Belait. Kebudayaan kaum Jatti Miriek ketika ini hampir pupus sehingga kebanyakan kaum Jatti Miriek kini tidak dikenali atau dianggap sebagai kaum Melayu.

Namun begitu, masih terdapat beberapa tinggalan lama yang boleh dibuat kajian agar asal-usul kaum Jatti Miriek ini dapat direkodkan seperti tinggalan objek budaya di kawasan perkuburan lama kaum Jatti Miriek yang masih terdapat di beberapa tempat di Miri, Sarawak. Oleh itu, Persatuan Jatti Miriek Miri bersama Pustaka Negeri Sarawak Miri telah bekerjasama dengan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi mengumpul maklumat berkaitan dengan seni ukiran kayu nisan yang terdapat pada beberapa tapak perkuburan lama kaum Jatti Miriek.

Berdasarkan kepada pengumpulan data visual di beberapa tapak perkuburan lama kaum Jatti Miriek yang telah dikenalpasti di sekitar Miri, motif ukiran tradisional ini seterusnya akan dianalisis melalui kaedah analisis visual dan kajian perbandingan dengan seni ukiran kayu tradisional Melayu.

Kajian lapangan telah dilakukan di tapak perkuburan lama seperti berikut: Lat Suran, Tab Sinak, Likauh Buie, Babutan, Song Lekang, Merafak, Bakam, Pelapi, Menjelin, Siwak Jaya, Luheng, Tanjung Lobang, Makam Datuk Permaisuri dan Katong.

Buku ini akan turut menerangkan amalan dan kepercayaan kaum Jatti Miriek dalam adat kematian. Hasil kajian ini juga akan dikongsi menggunakan pendekatan *Augmented Reality (AR)* sebagai salah satu cara penyampaian maklumat menggunakan teknologi terkini secara interaktif dengan pembaca.

# NISAN


## [04]



Penanda kubur atau dipanggil nisan biasanya dibuat daripada batu dan diletakkan pada kubur bagi memudahkan waris untuk mengenalpasti kubur si mati. Dalam sebutan bahasa Jatti Miriek, nisan dipanggil sebagai *Misan* tetapi ada juga disebut sebagai *Bisan* di beberapa kawasan terutama di Bakam. Pada kebiasaananya, pada permukaan nisan ditulis nama si mati bersama tarikh lahir dan tarikh kematian. Di Sarawak secara amnya, setiap etnik mempunyai pelbagai kaedah, bentuk dan rupa bagi penanda kubur ini. Ianya bergantung kepada adat, budaya, kepercayaan, kefahaman dan agama. Malah, pada zaman dahulu, kebanyakan kubur tidak mempunyai penanda yang khusus atau kubur hanya menggunakan batu atau kayu sebagai penanda. Selain itu, terdapat juga kubur yang diletakkan di pangkal pokok, diletakkan di tempat yang tinggi atau si mati dimasukkan ke dalam pasu besar. Penanda kubur juga dilihat sebagai simbol status atau kedudukan si mati.



Pada hari ini, nisan dilihat berfungsi kepada para pengkaji untuk memahami sejarah, latarbelakang atau salasilah sesebuah keluarga atau komuniti.



Berbeza dari kebiasaan, nisan pada perkuburan lama kaum Jatti Miriek ini kebanyakannya diperbuat dari kayu terutama dari jenis ‘belian’ kerana sifatnya yang keras dan tahan lama.



Ianya juga dihiasi dengan seni ukiran yang amat halus buatannya dan ini memberikan satu keunikan kepada budaya perkuburan kaum Jatti Miriek. Walaupun terdapat beberapa perkuburan etnik lain yang juga menggunakan nisan dari kayu berukir seperti yang dilihat di tapak perkuburan lama kaum Melanau di Belawai dan Rajang, beberapa karakter yang khusus telah dikenalpasti pada nisan kaum Jatti Miriek yang secara tidak langsung memberikan kubur lama Jatti Miriek satu identiti yang tersendiri.

Pada perkuburan lama kaum Melanau di Belawai dan Rajang, dikenalpasti motif dan bentuk nisan yang digunakan agak berbeza walaupun nisan diperbuat dari kayu belian seperti di perkuburan lama kaum Jatti Miriek.



Malah, pada perkuburan lama kaum Melanau, setiap nisan mempunyai tapak bagi kayu nisan berbanding kaum Jatti Miriek yang terus memacak kayu nisan di atas tanah.

Kayu nisan perkuburan lama kaum Melanau di Rajang ini kebanyakannya menggunakan ukiran dengan teknik tebuk timbul.





# Kubur Melanau di Rajang

Nisan kubur Melanau dan Jatti Miriek mempunyai struktur rekabentuk yang sama iaitu terdiri daripada puncak, kepala dan badan.

## Puncak

Bahagian ini merupakan puncak kayu nisan diukir dengan teknik tebuk timbul menggunakan motif flora.

## Kepala

Ukiran tebuk timbul digunakan dengan motif flora tetapi komposisi antara kiri dan kanan ukiran tidak simetrikal.

## Badan

Sepertimana di bahagian kepala, ukiran di bahagian ini menggunakan teknik tebuk timbul dengan motif flora. Susunan dan komposisi ukiran tidak simetrikal dengan hasil ukiran yang agak kasar.

# Kubur Jatti Miriek di Miri

Walaupun mempunyai struktur rekabentuk yang hampir sama, tetapi perbezaan yang ketara ialah kehalusan teknik ukiran dan keseimbangan motif ukiran Jatti Miriek yang simetrikal berbanding Melanau.

## Puncak

Bahagian puncak ukiran ini diukir dengan motif flora menggunakan teknik tebuk timbul.

## Kepala

Motif flora yang digunakan lebih kompleks dan teknik ukiran tebuk timbul bersilat diolah dengan lebih halus dan simetrikal berbanding ukiran nisan perkuburan Melanau.

## Badan

Teknik ukiran tebuk timbul bersilat dengan motif flora dihasilkan secara simetrikal antara bahagian kiri dan kanan. Susunan motif diatur tanpa putus dari bawah badan nisan sehingga ke puncak.



Mengikut adat perkuburan orang Melayu di nusantara, terutama setelah kedatangan Islam, kubur si mati bagi pihak lelaki dan perempuan boleh ditentukan berdasarkan kepada bentuk nisan yang digunakan.

Secara tradisi, nisan bagi lelaki berbentuk tiang silinder bulat; manakala bagi wanita pula berbentuk papak atau leper.



Perkara yang sama juga turut dikenalpasti pada nisan kaum Jatti Miriek dan diperhatikan seni ukiran yang digunakan adalah lebih terperinci pada nisan pihak perempuan berbanding lelaki. Faktor permukaan yang lebih luas pada permukaan kayu mungkin memainkan peranan kenapa ukiran pada penanda kubur perempuan lebih halus dan terperinci buatannya.

Berdasarkan kajian, terdapat beberapa tapak kubur lama kaum Jatti Miriek di Miri yang mempunyai koleksi penanda kubur atau kayu nisan yang masih baik dan seni ukiran yang pelbagai terutama di Merafak dan Bakam. Di tapak perkuburan lama yang lain, kebanyakannya sudah diganti dengan penanda kubur baru yang diperbuat dari batu oleh waris si mati kerana bimbang kubur tersebut tidak akan dapat dikesan di kemudian hari.




Selain itu, beberapa kubur lama juga dikenalpasti telah ditinggalkan dan tidak lagi diguna oleh masyarakat setempat sebagai tanah perkuburan seperti di Lat Suran dan Tanjong Lobang. Terdapat juga kubur lama yang sudah tidak dapat dikenalpasti pemiliknya di atas beberapa sebab seperti tiada tulisan, tiada waris yang boleh mengenalpasti atau pupus oleh hakisan atau ditinggalkan usang.

Berdasarkan corak ukiran dan tulisan khat pada kayu nisan, kebanyakan kubur lama yang direkodkan adalah kubur orang Islam. Walaupun tulisan pada kayu nisan tidak jelas, terdapat beberapa tulisan yang dikenalpasti merekodkan tarikh kubur seawal tahun 1830an dan ini memberi gambaran bahawa kubur lama di tapak perkuburan tersebut berusia lebih dari 100 tahun. Terdapat beberapa penanda kubur yang diperbuat dari batu tetapi masih mempunyai ciri ukiran seperti ukiran kayu yang lain.



Malah, terdapat juga penanda kubur yang diperbuat dari batu seperti di Song Lekang yang langsung tiada persamaan dengan ukiran kayu yang lain. Ini mungkin menunjukkan penanda kubur tersebut digunakan ketika sebelum kedatangan Islam.



Menurut Penghulu Kipli bin Ali dari Kampung Ranchah-Ranchah, salah satu kisah di sebalik sejarah ukiran perkuburan lama kaum Jatti Miriek ialah dipercayai ada di antara nisan diukir sendiri oleh si pengukir sebelum kematiannya. Kenyataan ini disokong oleh Penghulu Haji Rapae bin Haji Saat dari Kampung Dagang, Bekenu dan Ketua Kampung Aman bin Taha dari Kampung Menjelin.

Kisah ini menunjukkan pada zaman dahulu sebahagian besar dari kaum Jatti Miriek mempunyai kemahiran untuk mengukir. Namun begitu, Penghulu Haji Adam bin Bujang dari Bakam dan Ketua Kampung Haji Usman bin Suleiman dari Pujut Tanjung Batu mempercayai bahawa tidak semua kayu nisan diukir sendiri oleh si mati tetapi diupah dan kayu nisan yang terhasil disimpan untuk kegunaan selepas mereka meninggal. Kepercayaan ini turut disokong dengan gaya ukiran dan motif yang hampir sama pada kebanyakan kayu nisan yang direkodkan, membuktikan ianya dihasilkan oleh pengukir yang sama atau sekumpulan pengukir yang mempunyai gaya ukiran yang sama.

Merujuk kepada penceritaan dari waris serta orang-orang tua Jatti Miriek, pada hari ini tiada lagi pengukir atau mereka yang mengamalkan seni ukiran pada kayu nisan kerana telah berubah sesuai dengan peredaran zaman. Oleh itu, kemahiran serta kesenian ini juga telah turut pupus di telan masa kerana tidak diperturunkan kepada generasi yang seterusnya.



# ADAT KEMATIAN KAUM JATTI MIRIEK


[05]



Jika terdapat kematian di dalam keluarga atau di sesebuah kampung, ahli keluarga si mati akan menggunakan paluan tawak atau gong untuk menghebahkan berita kematian. Cara paluan ini berbeza-beza bagi menyampaikan maksud perkhabaran.

Paluan tawak adalah satu medium komunikasi sebelum ini dalam menyampaikan perkhabaran keluarga, seperti berita kematian, keraian mahupun kecemasan. Selain penggunaan tawak atau gong, jiran-jiran akan menggunakan cara hebahan kepada setiap rumah untuk menyampaikan berita kematian.





Sekiranya kematian berlaku pada waktu senja ataupun malam hari, sanak saudara akan berkumpul di rumah si mati dan ahli keluarga akan memasangkan unggun api berhampiran rumah si mati dengan niat untuk menghalau perkara yang tidak baik.

Ahli keluarga percaya jika dipasang unggun api maka entiti jahat tidak akan berada berdekatan dengan si mati.

Ahli keluarga dan sanak saudara akan berkumpul dan berjaga-jaga sementara menanti waktu pagi. Manakala ahli keluarga perempuan akan meratap si mati dalam keadaan hiba. Salah seorang dari ahli keluarga si mati akan dilantik untuk membahagikan tugas menguruskan jenazah dan kenduri bagi si mati. Manakala sanak saudara yang datang pula akan membawa barang seperti buah pinang, sireh, kopi, beras, ayam dan itik sebagai persediaan kenduri selepas selesai majlis pengebumian. Ahli keluarga lelaki pula akan ke hutan untuk mencari kayu api, rebung dan sayur hutan.

Pada zaman dahulu, tanah perkuburan terletak jauh dari perkampungan atau terletak di kawasan yang berbukit. Selain itu tapak perkuburan Miriek juga terletak di tepi sungai atau berhampiran pantai.

# Pantang Larang (I lain)

## Kematian Etnik Miriek

1.

Si balu hanya boleh memakai tudung dari jenis kain sarong.

2.

Sibalu tidak akan memakaikan sebarang barang kemas yang diperbuat dari emas atau perak.

3.

Si balu tidak boleh memakai pakaian yang berwarna warni dan cerah sebagai tanda berkabong.

4.

Baik balu lelaki atau balu perempuan, mereka tidak boleh turun ke laut atau ke darat/hutan bagi mengelak dari sesat atau diganggu oleh ‘*balih jaat*’ atau bunian. Ini bertujuan untuk menjaga keselamatan diri dan keluarga yang ditinggalkan.

5.

Si balu tidak dibenarkan untuk makan bersama ahli keluarga dan saudara mara sepanjang tempoh berkabung. Si balu akan dihidangkan makanan di dalam talam dan dibawa ke bilik tidur selama 40 hari atau 100 hari. Keadaan ini dinamakan sebagai proses ‘*Haluh*’ ataupun proses menjadi seorang balu.

Sesudah kematian, si balu (*isteri*) akan berada dalam tempoh berkabung (*daan haluh*) selama 40 sehingga 100 hari. Antara pantang larang yang dikenakan pada si balu adalah seperti berikut:

## 6.

Bagi balu lelaki yang kematian isteri pula, mereka akan mengenakan songkok selama 40 hari masa berkabung. Ini bagi mengelakkan diri mereka menjadi '*Liden Baluh*'.

## 7.

Si balu tidak boleh pergi berkunjung atau menziarahi ke rumah saudara mara atau rakan sekampung yang mempunyai keraian seperti perkahwinan ataupun acara bergendang.

## 8.

Satu lagi amalan yang pernah diamalkan ialah upacara membelah dua biji kelapa sebaik urusan pengebumian selesai. Bahagian kelapa yang tertangkup ditinggalkan di tanah perkuburan manakala bahagian kelapa yang terlentang pula akan dibawa balik untuk dijadikan minyak. Dipercayai minyak tersebut mampu dijadikan ubat untuk menghilangkan perasaan rindu ahli keluarga kepada si mati.

Sekiranya seorang lelaki dengki terhadap bakal pasangan pengantin, maka dia akan meletakkan kacip si balu serta dibacakan mentera di bawah rumah pengantin perempuan agar mulut pengantin lelaki akan terkunci dari melafazkan akad nikah bagi tujuan menggagalkan acara akad nikah.

Selain itu, kacip pinang kepunyaan si balu perlu disimpan dengan baik dan rapi agar tidak disalah guna oleh mereka yang berniat jahat. Mengikut kepercayaan kaum Jatti Miriek, kacip si balu adalah salah satu medium pelaris bagi kegunaan perniagaan atau digunakan sebagai alat untuk menganiaya pengantin lelaki yang akan menjalankan upacara akad nikah.



Selain daripada itu; antara pantang larang dalam adat kematian etnik Miriek yang masih diwarisi sehingga ke hari ini adalah ahli keluarga si mati tidak dibenarkan memakan pulut kuning selama 40 hari selepas kematian. Sumber kesahihan cerita yang diwarisi oleh Puan Fatimah Binti Jebair, pada suatu ketika semasa berlaku kematian di Kampung Bakam.



Dikatakan ahli keluarga si mati ini telah memakan pulut kuning setelah kematian ahli keluarga terdekat. Maka pada malam harinya, mereka telah bermimpi. Di dalam mimpi tersebut si mati menyatakan rasa kesal bila mendapati ahli keluarga si mati memakan mulut kuning kerana seolah-olah mereka sedang bersuka ria selepas kematianya. Sesudah mendapat mimpi tersebut, ahli keluarga si mati pun tidak lagi memakan pulut kuning sehingga hari ke 40. Apabila telah tiba hari ke 40, ahli keluarga pun menyediakan pulut kuning dan sejak itu mereka tidak lagi bermimpi akan si mati.

Adalah juga dipercayai bahawa roh si mati masih berada di sekeliling rumah walaupun mayat telah di tanam. Setelah tujuh hari kematian; roh si mati dipercayai berada di *utong jerepang* ataupun *seduen amin*. Dipercayai dari hari pertama sehingga ke hari ke 40, roh akan semakin menjauh dari rumah dan ahli keluarga. Terdapat juga kepercayaan di kalangan ahli keluarga akan bermimpi bertemu dengan si mati dalam masa seminggu setelah kematian.

Menurut Ketua Kampung Siwak Jaya, Miri iaitu Encik Madani bin Ahit, beliau pernah menemui tempayan yang mengandungi satu mayat bercawat (turouk) di tapak perkuburan lama di Kampung Beraya Lama, Miri. Perkuburan ini adalah perkuburan lama kaum Jatti Miriek sebelum kedatangan Islam. Selain tajew, beliau juga pernah menemui harta peninggalan si mati yang dibawa bersama semasa pada hari pengebumian seperti pinggan mangkuk. Kini kawasan perkuburan lama tersebut telah dibangunkan dan dijadikan kawasan penanaman kelapa sawit pada hari ini.



Di tanah perkuburan setelah selesai majlis pengebumian, kebiasaan ahli keluarga akan memanggil roh atau semangat mereka sendiri untuk balik bersama sambil melangkah.



**“Huuuurrr adek mulaik samah  
bayek koi/ammaih”**

**“Huuuuurrr balik lah roh/  
semangat bersama kami”**

Dipercayai sekiranya tidak memanggil roh atau semangat ahli keluarga untuk balik bersama, dikhuatiri roh atau semangat tersebut akan tertinggal menemani si mati di tanah perkuburan yang boleh menyebabkan ahli keluarga sakit atau demam. Ketika melangkah pergi meninggalkan tanah perkuburan ahli keluarga tidak dibenarkan menoleh ke belakang kerana dikhuatiri mereka akan melihat roh si mati meratapi pemergian ahli keluarga. Apabila kembali ke rumah pula, semua ahli keluarga terdekat akan menyapu muka mereka dengan air rendaman daun *helapah/kelapapak/leban*.





*Seh Awai Awai* adalah satu lagi adat yang diamalkan oleh kaum Jatti Miriek sebelum kedatangan Islam. Terdapat dua jenis upacara *Seh Awai Awai* yang dipraktikkan di kalangan orang Miriek selepas majlis pengebumian. Upacara yang pertama menggunakan sepotong kayu yang diukir seperti patung menyerupai si mati dan kemudiannya dihanyutkan ke aliran sungai dengan tujuan agar ahli keluarga dapat melupakan si mati.

Manakala dalam satu lagi upacara, sebaik selesai acara pengkebumian, daun nipah akan dianyam menyerupai patung manusia dan dipacak di atas tanah perkuburan sebelum ahli keluarga pulang ke rumah. Mentera (*bafet*) akan dibaca sebelum meninggalkan tanah perkuburan seperti berikut;

*Tabuh Bujang ditoi bayek auh* (Tinggallah Bujang dengan kamu di sini)

Manakala apabila tiba pula di rumah, kebiasaannya salah seorang dari ahli keluarga akan bertanya;

*Pah Bujang, dinnek tirauk?* Tirauk (Di mana Bujang, sudah tadi?? Sudah)

Dipercuryai upacara ini adalah bagi mengelakkan lemusan, keteguran atau lemah semangat selepas kematian ahli keluarga.



Sebelum penyebaran Islam bertapak di Miri, kaum Jatti Miriek mengamalkan fahaman animisme dan ahli keluarga menggunakan air langgir untuk mandian si mati. Tujuan menggunakan air langgir adalah untuk membersih dan mencuci rambut si mati. Namun begitu, dengan kedatangan Islam, sebahagian besar dari adat dan amalan ini sudah tidak lagi diamalkan kerana bercanggah dengan ajaran dan kepercayaan Islam.

[06]

# SENI UKIRAN TRADISIONAL







Seni ukiran kayu nisan kaum Jatti Miriek ini akan dibincangkan melalui perbandingan dan kefahaman berdasarkan kepada seni ukiran kayu Melayu tradisional. Ini tidak bermaksud bahawa seni ukiran kayu nisan ini berasal dari seni ukiran Melayu, tetapi memandangkan tiada rujukan berkaitan seni ukiran kaum Jatti Miriek sebelum ini, rujukan kepada seni ukiran Melayu adalah yang paling hampir boleh dikenalpasti berdasarkan kepada motif dan teknik ukiran. Dalam ukiran kayu Melayu tradisional, motif yang merupakan sebahagian daripada hiasan akan diukir dalam bentuk dua dimensi atau tiga dimensi sebelum kemudian diatur untuk membuat reka bentuk atau corak hiasan (Yahya, 1995, p.108). Siti Zainon (1986) pula mengatakan bahawa ukiran tradisional Melayu adalah berdasarkan kepada pengaturan unsur-unsur visual dan motif yang dikenali sebagai corak atau reka bentuk dalam kraf tradisional Melayu.

Pembangunan bentuk motif itu pula adalah didasari dengan elemen-elemen visual asas seperti unsur, garis dan warna. Secara ringkas, tiga fasa asas pembangunan motif bermula dengan unsur-unsur dan garisan bertitik, fasa kedua ialah bentuk motif dan fasa terakhir adalah susunan motif.



Jika diperhatikan, ketiga-tiga fasa ini boleh dikenalpasti dalam seni ukiran kayu nisan kaum Jatti Miriek dan ini memberi satu kesimpulan bahawa elemen-elemen asas ini turut mempengaruhi kaedah penghasilan ukiran kayu nisan ini. Namun begitu, kesimpulan yang diperolehi masih di peringkat awal dan kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan sebelum satu kesimpulan akhir boleh dilakukan. Buku ini akan mengumpulkan koleksi seni ukiran yang telah didokumentasikan pada setiap tapak perkuburan lama dan bagaimana struktur dalam motif ukiran kayu nisan tradisional kaum Jatti Miriek ini dianalisis berdasarkan kepada perbandingan dengan seni ukiran Melayu tradisional.





Pada ukiran nisan kaum Jatti Miriek, dikenalpasti hanya motif flora dan geometri digunakan. Namun begitu, motif flora mendominasi sebahagian besar ukiran kayu nisan ini dan hanya kira-kira 5% dari keseluruhan kayu nisan yang direkodkan menggunakan motif geometri.

Ukir tradisional yang terdapat pada kayu nisan di perkuburan lama kaum Jatti Miriek adalah amat halus dan pada hari ini, tiada lagi tukang ukir yang mampu menghasilkan ukiran sebegini rupa. Malah, boleh disimpulkan bahawa seni ukiran kayu nisan ini telah pupus sama sekali kerana tiada waris yang meneruskan seni pertukangan ini. Selain itu, pemodenan adalah penyebab kenapa seni ukiran ini telah pupus dalam masyarakat kaum Jatti Miriek. Penggunaan batu nisan dari konkrit dan marmar telah menyebabkan tiada lagi permintaan ukiran kayu nisan.



Perubahan masa dan arus pemodenan yang pesat telah mengubah pendekatan yang digunakan oleh masyarakat Jatti Miriek dalam budaya pemakaman mereka pada hari ini.



Walaupun kayu nisan ini diperbuat dari kayu belian yang terkenal dengan ketahanan dan sifatnya yang keras, artifikat berbentuk ukiran di perkuburan lama kaum Jatti Miriek juga telah banyak yang reput atau dihanyutkan kesan daripada hakisan kerana kebanyakan tanah perkuburan terletak di tepi sungai atau berhampiran pantai. Ini menyebabkan rekod sedia ada berkaitan ukiran ini juga semakin pupus. Memandangkan hanya terdapat beberapa tapak perkuburan lama kaum Jatti Miriek yang masih wujud di Miriek, langkah proaktif perlu diambil untuk merekod dan mengkaji motif seni ukiran ini agar ianya tidak pupus dan hilang dari pengetahuan masyarakat kini.

[07]



# UKIRAN NISAN JATTI MIRIEK

# Motif

Pada zaman dahulu, para pengukir mendapat ilham daripada tumbuh-tumbuhan, binatang atau objek yang ada di persekitaran mereka. Apabila Islam diterima di rantau ini, para pengukir telah menghasilkan seni ukir yang bercirikan keIslam dan sering diolah bersama – sama dengan motif flora dan geometri. Motif yang dihasilkan sering dipaparkan secara kreatif oleh para pengukir sehingga menghasilkan seni ukiran yang menarik dan halus.

**Motif ukiran tradisional dibahagikan kepada beberapa jenis :**

- i) Motif bunga, paku dan daun, manggis, bunga teratai, daun dan bunga hijau.
- ii) Motif Fauna, seperti ayam, badak dan itik (ayam, badak dan itik belakang rumah).
- iii) Motif ruang atau kosmik yang menggunakan imej awan larut seperti bintang, matahari, bulan dan bukit.
- iv) Motif geometrik menunjukkan bentuk bulatan dan bentuk segitiga yang diatur dalam siri. Kadang-kadang bentuk segi tiga ini digabungkan dengan pakis tumbuhan.
- v) Seni khat seni atau kaligrafi, menggunakan huruf Arab, khususnya ayat al-Quran dan tulisan Jawi.



Keseluruhan motif yang dikenalpasti pada perkuburan lama kaum Jatti Miriek menggunakan motif flora dengan rujukan kepada bentuk daun, batang, akar, pucuk dan bunga.



[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Bakam]

[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Bakam]



Motif adalah rupa atau bentuk asas dalam rekaan atau gubahan seni ukiran. Motif flora yang diukir bersifat simetrikal dan motif flora dibentuk seolah-olah menjalar dan menuju ke bahagian atas dan diakhiri dengan pucuk daun.

# Teknik

## Teknik Seni Ukiran Tradisional



Teknik seni ukiran kayu merupakan satu kemahiran yang dikuasai dan diwarisi oleh para pengukir kayu dalam menghasilkan karya seni mereka. Kemahiran ini bukan sahaja memerlukan ketelitian dan penguasaan penggunaan alat pertukangan, tetapi ia juga memerlukan tahap kreativiti yang tinggi terutama dalam merekabentuk dan menyusun motif bagi setiap ukiran. Merujuk kepada seni ukiran tradisional Melayu, terdapat beberapa jenis teknik ukiran kayu iaitu:

### 1) **Ukir Timbul**

- Ukiran Timbul Bersilat
- Ukiran Timbul Tanpa Silat

### 2) **Ukiran Tebuk Tembus**

- Ukiran Tebuk Tembus Tanpa Silat
- Ukiran Tebuk Tembus Bersilat

### 3) **Ukiran Arca/ Larik**

Di dalam seni ukiran perkuburan lama Jatti Miriek, teknik yang dikenalpasti digunakan kebanyakannya terdiri dari ukiran Timbul Bersilat dan ukiran Tebuk Tembus Bersilat.

## 1) Ukir Timbul

Teknik ini ialah ukiran kayu atau papan yang tidak ditebus tembus. Bahagian yang diukir ialah bahagian bercorak negatif.



Ukiran timbul merupakan ukiran yang dibuat di atas permukaan kayu dan kelihatan timbul kesan dari bahagian kayu yang diukir keluar. Ukiran timbul terdiri dari dua jenis iaitu ukir timbul bersilat dan tidak bersilat.



Pada ukiran perkuburan lama Jatti Miriek, dikenalpasti kebanyakan teknik ukiran timbul adalah dari jenis bersilat seperti contoh ukiran yang dipaparkan di sini terutama dari perkuburan Bakam.



[ukiran dari: Kubur Bakam]

Teknik ukiran timbul bersilat sebahagiannya diolah pada bahagian kepala nisan tetapi terdapat juga ukiran yang diolah pada seluruh badan kayu nisan. Setiap motif disusun dengan sempurna dan mempunyai kesinambungan antara satu sama lain.




[ukiran dari: Tab Sinak]

[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari:  
Kubur Pelapi]



[ukiran dari:  
Kubur Bakam]



## 2) Ukiran Tebuk Tembus

Kayu atau papan diukir ditebuk tembus dan corak dibiarkan. Ukiran ini kebiasaannya berfungsi sebagai pengaliran udara dan pencahayaan, namun pada kayu nisan kaum Jatti Miriek, ianya mungkin bertujuan sebagai satu estetik dan juga pengaliran udara agar kayu nisan tidak tumbang apabila ditiup angin kerana tapak kubur biasanya terletak di tepi sungai atau pantai.



Ukiran tebuk tembus ini boleh dibahagi kepada dua jenis Ukiran Tebuk Tembus Tanpa Silat dan ukiran Tebuk Tembus Bersilat. ‘Silat’ ialah istilah yang menunjukkan bahagian ukiran yang timbul dan tenggelam yang disambung secara berterusan, beralun serta tersusun.



- Ukiran Tebuk Tembus Tanpa Silat

Ukiran tebuk tembus tanpa silat hampir menyerupai ukiran timbul tanpa silat cuma yang membezakannya adalah pada dasar permukaan yang kosong yang ditebuk menjadi lubang, sedangkan motif dan coraknya dibiarkan rata tanpa silat.

- Ukiran Tebuk Tembus Bersilat

Ukirannya hampir menyamai ukiran tebuk tembus tetapi diberi kesan silatan pada motif ukirannya.





[ukiran dari:  
Kubur Bakam]

Malah sebahagian kayu nisan yang menggunakan kaedah ukiran tebuk tembus bersilat didapati telah rosak atau patah pada satu bahagian akibat faktor cuaca dan masa.

Selain dari teknik ukiran timbul bersilat, seni ukiran perkuburan lama Jati Miriek juga turut menggunakan teknik ukiran tebuk tembus bersilat. Pada kayu nisan yang menggunakan teknik ini, ianya hanya diukir pada bahagian kepala nisan sahaja kerana sekira ianya diukir secara keseluruhan termasuk badan nisan, kekukuhan kayu nisan tersebut akan terjejas.



[ukiran dari:  
Kubur Bakam]



Ciri-ciri ukiran tebuk tembus ini hanya diukir pada satu permukaan sahaja walaupun ianya boleh dilihat dari sisi hadapan dan belakang. Namun pada bahagian hadapan, ukiran yang dihasilkan lebih terperinci manakala dibahagian belakang hanya dibiarkan kosong tanpa ukiran kecuali kesan ditebuk.




[ukiran dari:  
Kubur Bakam]



[ukiran dari:  
Kubur Merajak]

Pada ukiran kayu nisan kaum Jatti Miriek, dikenalpasti bahawa kesemua teknik ukiran ini digunakan terutama ukiran tebuk tembus bersilat bagi kayu nisan yang mempunyai ukiran yang agak kompleks dan halus. Berdasarkan pemerhatian dan maklumbalas penduduk setempat, kehalusan ukiran ini mungkin dipengaruhi oleh status dan kedudukan si mati dalam masyarakat tersebut.



### 3) Ukiran Arca/ Larik



Ukiran ini berbentuk bulat dan panjang seperti tiang. Pada nisan kaum Jatti Miriek, teknik ukiran ini diaplikasi untuk nisan kaum lelaki. Selain motif geometri, motif Bunga Lawang adalah yang paling popular digunakan dan boleh dikenalpasti pada sebahagian besar ukiran larik kaum Jatti Miriek.



Walaupun sebahagian besar dari kayu nisan yang menggunakan kaedah ukiran larik ini diukir pada sebatang kayu, terdapat juga teknik yang dikenalpasti menggunakan pendekatan penyambungan beberapa batang ukiran yang berbeza menjadi satu batang ukiran larik.



Contoh di sini menunjukkan motif yang digunakan pada ukiran larik menggunakan motif geometri dan bulatan kerana pengaruh motif Islam.



[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Siwak Jaya]



[ukiran dari: Kubur Katong]



Selain dari motif geometri, penggunaan motif flora seperti bunga cengkik dan bunga tanjung amat popular dalam teknik ukiran larik. Selain itu, konsep bunga teratai dan kiub pelbagai satah juga diterapkan dalam ukiran ini. Motif yang berbeza diukir pada setiap permukaan kayu, kebiasaanya mempunyai empat permukaan yang berbeza.

# Pola

Pola ialah susunan motif dalam sesebuah ukiran. Di dalam seni ukiran melayu tradisional, terdapat tiga pola yang biasa digunakan iaitu:

- **Pola Bujang**

Susunan yang berdiri terasing, bebas, dan tidak terikat, berkait atau bersambung-sambung antara satu motif dengan motif yang lain.

- **Pola Pemidang**

Bentuk ini menampilkan motif yang menggambarkan pergerakan sederhana dan tidak berbelit-bobelit serta mempunyai bingkai atau pemidang.

- **Pola Lengkap**

Bentuk ini menggabungkan ciri-ciri bentuk bujang dan bentuk pemidang. Bentuk ini menitikberatkan unsur tumbuh-tumbuhan, merangkumi akar, batang, buah, dahan, daun, putik dan sulurnya.





Pada seni ukiran nisan kaum Jatti Miriek, dikenalpasti sebahagian besar pola yang digunakan, terutama pada kayu nisan kaum perempuan menggunakan Pola Lengkap.

Jika dianalisa, setiap ukiran samada yang menggunakan teknik ukiran timbul bersilat atau ukiran tebuk tembus bersilat mempunyai pola ukiran yang lengkap dengan menggabungkan ciri-ciri dan bentuk akar, batang, daun, buah dan pucuk.

Pola lengkap ukiran ini dapat dilihat dengan jelas pada ukiran yang meliputi keseluruhan badan kayu nisan. Pada contoh pola lengkap di sini, motif flora diukir dengan teliti menggunakan teknik ukiran tebuk tembus bersilat di bahagian kepala dan teknik ukiran timbul bersilat pada bahagian bawah badan kayu nisan. Ruang bulatan yang tidak diukir digunakan sebagai tempat untuk mengukir nama si mati beserta tarikh lahir dan tarikh kematian dalam tulisan jawi.

Berdasarkan pemerhatian pada kesemua kayu nisan di tapak perkuburan lama Jatti Miriek, motif, teknik dan pola yang digunakan dalam seni ukiran perkuburan lama ini mempunyai persamaan dari segi gaya dan ciri-ciri ukiran walaupun kedudukan tapak perkuburan tersebut agak jauh antara satu sama lain. Ini menunjukkan pengukir mungkin adalah orang yang sama atau mempelajari teknik ukiran dari sumber yang sama.


[ukiran dari:  
Tab Sinak]



[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Bakam]



[ukiran dari: Kubur Bakam]



Walaupun terdapat persamaan dari segi ciri-ciri ukiran, setiap kayu nisan mempunyai bentuk dan motif ukiran yang berbeza yang menjadikan ianya lebih unik.

[08]


# Galeri Ukiran



Seni ukiran perkuburan lama Jatti Miriek telah didokumentasi secara berasingan mengikut tapak kajian seperti senarai di bawah. Sebanyak 14 buah tapak perkuburan lama telah direkodkan dan setiap tapak perkuburan mempunyai kubur lama dengan kayu nisan yang berukir. Setiap tapak perkuburan diberi kod identifikasi bagi memudahkan rujukan berkaitan setiap ukiran kayu nisan.

ooooooooooooooo	
<b>Kubur Merafak</b>	[M01 - M32]
<b>Babutan</b>	[B01 - B08]
<b>Likauh Buie</b>	[LB01 - LB02]
<b>Tab Sinak</b>	[T01 - T07]
<b>Lat Suran</b>	[LS01 - LS11]
<b>Song Lekang</b>	[SL01 - SL02]
<b>Makam Datuk Permaisuri</b>	[MP01 - MP06]
<b>Kubur Katong</b>	[KK01 - KK22]
<b>Kubur Luheng</b>	[KL01 - KL11]
<b>Kubur Tanjung Lobang</b>	[KTL01 - KTL04]
<b>Kubur Bakam</b>	[KB01 - KB44]
<b>Kubur Siwak Jaya</b>	[KS01 - KS16]
<b>Kubur Menjelin</b>	[KM01 - KM02]
<b>Kubur Pelapi</b>	[KP01 - KP06]
<b>Lain-lain Kubur</b>	[Kubur yang tidak dilawati]

ooooooooooooooo





# Kubur Merafak



[M01 - M32]

Tapak perkuburan di tepi sungai ini adalah antara kubur lama dengan koleksi kayu nisan berukir yang terbesar. Selain itu, kayu nisan yang ada juga kebanyakannya masih dalam keadaan baik dan mempunyai seni ukiran yang halus mempunyai ukiran yang paling halus jika dibandingkan dengan tapak perkuburan yang lain.



[M04]




[M22]



[M21]



[M06]



[M25]



[M19]

[M15]

[M02]

[M03]

[M05]



[M14]

[M12]

[M16]

[M11]

[M23]

[M31]



[M28]



[M29]





[M30]



[M32]





[M07]



[M08]



[M09]



[M27]



[M26]





[M13]



[M24]

# Babutan



[B01 - B08]


Babutan bermaksud pokok kelapa dalam bahasa Jatti Miriek. Tanah perkuburan ini juga terletak di tepi sungai dan terletak berdekatan dengan tanah perkuburan Likauh Buie.



[B05]




[B07]



[B06]



[B02]



[B08]



[B04]



[B01]



[B03]

# Likauh Buie



[LB01 - LB02]

Likauh bermaksud sungai dan Buie pula bermaksud pokok Pinang. Tapak perkuburan ini terletak di tepi sungai dan sebahagian kubur lama di sini telah musnah akibat hakisan kerana kedudukannya di tebing sungai atau reput akibat kesan cuaca.



[LB01]




[LB02]

# Tab Sinak



[T01 - T07]

‘Tab’ membawa maksud tebing dan ‘Sinak’ pula bermaksud Cina. Tapak perkuburan ini adalah antara tanah perkuburan lama yang masih digunakan sehingga kini. Sebahagian dari kubur lama dan kayu nisan berukir telah musnah disebabkan hakisan kerana kedudukan kubur di tebing sungai.



[T07]

Malah beberapa kayu nisan juga dikenalpasti tidak berada dikubur sebenar kerana dicacak semula tanpa mengetahui tapak asal, kesan dari keruntuhan tebing atau ditenggelami air.

[T02]



[T05]



[T01]



[T03]



[T04]



[T06]

# *Lat Suran*



[LS01 - LS11]

Tapak perkuburan ini terletak di atas bukit dan telah tidak digunakan lagi sejak 1970-an. Sebahagian kubur yang ada di sini telah dipindahkan oleh waris atau musnah oleh pencerobohan.



Kini, tapak ini telah diwartakan oleh kerajaan sebagai sebuah tapak perkuburan dan tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana pihak.





[LS11]

[LS07]



[LS08]



[LS05]



[LS09]



[LS01]



[LS10]



[LS02]



[LS03]

# Song Lekang -



[SL01 - SL02]

Tapak perkuburan ini merupakan tanah perkuburan yang masih digunakan sehingga kini. Sebahagian besar kubur yang terdapat di sini menggunakan batu nisan moden. Kayu nisan pada kubur lama di sini kebanyakannya telah terlalu usang dan hanya menggunakan motif ukiran yang ringkas dengan teknik ukiran timbul tidak bersilat.

Terdapat sebuah batu nisan yang tidak bercirikan motif keislaman dan dipercaya ianya adalah penanda kubur yang digunakan sebelum kedatangan Islam.



[SL02]



[SL01]

# Makam Datuk Permaisuri



[KB01 - KB44]


Tapak perkuburan ini dinamakan sempena nama Datuk Permaisuri, yang merupakan kerabat Diraja yang meninggal dan disemadikan di tapak perkuburan ini. Tapak ini juga dipercayai penempatan awal masyarakat Jatti Miriek di Miri.



[MP02]



[MP01]



[MP04]



[MP05]




[MP03]



[MP06]

Kubur Katong		[KK01 - KK22]
Kubur Luheng		[KL01 - KL11]
Kubur Tanjung Lobang		[KTL01 - KTL04]
Kubur Lambir		[Kubur yang tidak dilawati]



# Kubur Katong



[KK01 - KK22]

Tanah perkuburan ini terletak di atas bukit dan di sini terdapat sebuah kubur yang mempunyai nisan yang mempunyai motif geometri, berbeza dengan kebanyakan kubur Jatti Miriek yang lain yang menggunakan motif flora.

[KK09]



[KK20]



[KK01]




[KK12]



[KK05]

[KK19]



[KK13]



[KK06]





[KK08]



[KK16]



[KK17]



[KK14]



[KK03]




[KK15]



[KK04]



[KK07]



[KK02]



[KK10]



[KK18]



[KK11]



[KK21]




[KK22]

# Kubur Luheng



[KL01 - KL11]

Tanah perkuburan Luheng terletak di atas bukit dan tidak banyak nisan di sini yang mempunyai ukiran. Namun begitu, sebahagian besar ukiran yang masih utuh diperhatikan pada nisan lelaki berbanding di tempat lain yang lebih tertumpu kepada nisan perempuan.



[KL07]

[KL02]

[KL10]

[KL09]

[KL11]



[KL08]



[KL06]





[KL03]



[KL04]




[KL01]

# Kubur Tanjong Lobang



[KTL01 - KTL04]


Tapak perkuburan lama ini sudah tidak digunakan lagi dan kayu nisan berukir yang digunakan di sini sedikit berbeza dari seni ukiran yang didapati di tapak perkuburan lama yang lain. Teknik ukiran yang digunakan ialah ukiran tebuk tembus bersilat tetapi tidak mempunyai pemidang dengan menyerlahkan bentuk flora di bahagian sisi.



[KTL02]



[KTL01]



[KTL03]



[KTL04]





# Kubur Bakam




[KB01 - KB44]

Kubur Bakam juga merupakan salah satu tapak kubur yang masih digunakan dan mempunyai koleksi ukiran kayu nisan terbesar dengan seni ukiran yang halus seperti di Merafak.



[KB34]



[KB25]

[KB08]



[KB37]



[KB35]



[KB04]



[KB07]



[KB41]





[KB20]



[KB15]



[KB06]



[KB18]




[KB12]



[KB23]



[KB40]





[KB26]



[KB02]



[KB31]



[KB30]



[KB44]



[KB09]



[KB38]



[KB07]



[KB39]



[KB19]



[KB03]



[KB05]




[KB01]



[KB33]



[KB22] Galeri Ukiran 106



[KB36]



[KB13]



[KB11]



[KB34]



[KB14]




[KB21]



[KB32]




[KB43]



[KB27]



[KB24]



[KB16]



[KB10]





[KB42]

# Kubur Siwak Jaya



[KS01 - KS16]

Tanah perkuburan ini terletak di tepi pantai dan kebanyakan kuburnya masih dalam keadaan baik. Tanah perkuburan ini berkongsi kawasan dengan perkuburan kaum Kedayan.



[KS16]



[KS11]



[KS13]





[KS01]




[KS05]




[KS04]




[KS03]



[KS02]





# Kubur Menjelin-



[KM01 - KM02]

Tapak perkuburan ini merupakan tapak perkuburan lama dan masih digunakan sehingga kini tetapi hanya dikhususkan untuk mengebumikan jenazah kanak-kanak. Ianya terletak di dalam hutan dan terdapat peninggalan beberapa kayu nisan lama tetapi hanya dua buah kubur yang dominan dan berukir.

Kedua-dua kubur tersebut dikenal pasti dari pasangan suami dan isteri. Ukiran yang dihasilkan juga tidak begitu halus berbanding dengan ukiran di tapak perkuburan yang lain. Dikenal pasti kayu nisan di sini tidak menggunakan kayu belian tetapi dari jenis kayu yang terdapat di persekitaran dan kebanyakannya telah reput.



[KM01]




[KM02]

# Kubur Pelapi



[KP01 - KP06]

Kedudukan tapak perkuburan di atas bukit yang jauh di pedalaman mempengaruhi ketahanan ukiran kayu nisan di sini. Kelembapan yang tinggi menyebabkan kebanyakan kayu nisan telah mereput oleh kulat atau dimakan anai-anai.




[KP03]


[KP04]

[KP05]

[KP06]



[KP01]




[KP02]

[09]



# PENUTUP



Walaupun telah pupus ditelan zaman, warisan yang masih tinggal seharusnya dijagai dan disimpan sebaik mungkin agar ianya menjadi rujukan dan kenangan kepada generasi akan datang dalam mengenal jati diri masing-masing. Seni ukiran perkuburan lama ini sudah tidak lagi diwarisi oleh kaum Jatti Miriek pada hari ini, maka dengan usaha ini diharapkan agar generasi muda kaum Jatti Miriek dapat mengenali keunikan dan kehalusan seni warisan yang pernah menjadi kebanggaan. Amalan, adab, nilai dan etika serta pegangan pengukir terdahulu terserlah melalui kesenian yang masih tersisa ini. Secara tidak langsung ianya juga mencerminkan budaya kaum Jatti Miriek terhadap persekitaran, semangat, etika dan nilai budaya yang dipegang oleh mereka selama ini.

[10]

# RUJUKAN

A. Aziz Deraman (Disember 1985). Falsafah Kebudayaan Kebangsaan. Dewan Budaya, hlm. 39-43.

En. Haji Kader bin Haji Jeman (30 November 2019) Temubual oleh Rafee.Y.M., Maying, D., Antas, B.A., Sahari, M.S., Wee, J., Antigau, A.

En. Marauf bin Junaidi (29 November 2019) Temubual oleh Rafee.Y.M., Maying, D., Antas, B.A., Sahari, M.S., Wee, J., Antigau, A.

Islamic Roots of the Malay Philosopny pf Beauty, as appeared in Insyirah The Art of Sulaiman Esa From 1980 - 2000, Kuala Lumpur: Petronas, 2001

Ketua Kampung Aman bin Taha (29 November 2019) Temubual oleh Rafee.Y.M., Maying, D., Antas, B.A., Sahari, M.S., Wee, J., Antigau, A.

Ketua Kampung Haji Usman bin Suleiman (29 November 2019) Temubual oleh Rafee.Y.M., Maying, D., Antas, B.A., Sahari, M.S., Wee, J., Antigau, A.

Ketua Kampung Siwak Jaya, En. Madani bin Ahit.

Muhammad Afandi Yahya. (1995). Simbolisme Dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka and Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penghulu Haji Adam bin Bujang (29 November 2019) Temubual oleh Rafee.Y.M., Maying, D., Antas, B.A., Sahari, M.S., Wee, J., Antigau, A.

Penghulu Haji Rapa'ee bin Haji Saat (29 November 2019) Temubual oleh Rafee.Y.M., Maying, D., Antas, B.A., Sahari, M.S., Wee, J., Antigau, A.

Penghulu Kipli bin Ali (29 November 2019) Temubual oleh Rafee.Y.M., Maying, D., Antas, B.A., Sahari, M.S., Wee, J., Antigau, A.

Siti Zainon Ismail. (1986), Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Zainon Ismail. (1997). The Traditional Malay Handcraft. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Zainon Ismail. (2005). Meng'Ukir' Budi Melayu.Journal of the Akal Budi Melayu. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Bahasa Kesusastraandan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumardiansyah Silah, Ruzaika Omar Basaree, Abdul Shukor Hashim, Badrul Isa. (2011). Rekaan Struktur pada Motif Ukiran Melayu Terengganu. Paper presented at Seminar Antarabangsa Warisan Nusantara dan Bicara Kraft Warisan. (pp.6) Kota Kinabalu: UMS Press.

Syed Ahmad Jamal (1992). Rupa dan Jiwa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Ali (16-17 Jun 1993). Rupa a'an Jiwa.

[11]

# PENGHARGAAN

## PERSATUAN JATTI MIRIEK MIRI

<b>Penasihat I</b>	: Penghulu Hj. Adam bin Bujang
<b>Penasihat II</b>	: Tuan Hj. Abdullah bin Yussuff
<b>Penasihat III</b>	: Tuan Haji Kawi bin Aboos
<b>Presiden</b>	: Datuk Hj. Abdillah bin Temenggong Hj. Abdul Rahim, PGBK, DIMP, JBS, PPC, PBS, PPB
<b>Timbalan Presiden</b>	: Ketua Kaum Hj. Usman bin Suleiman, ABS
<b>Naib Presiden</b>	: Puan Rosiah binti Hj. Ali, ABS
<b>Setiausaha Kehormat</b>	: Noor Hazwani binti Mohd Husli
<b>Bendahari Kehormat</b>	: Tuan Hj. Abdul Wahab bin Suhaili
<b>Pegawai Penerangan</b>	: Tuan Hj. Ujut bin Rahman, ABK
<b>Penolong Pegawai Penerangan</b>	: Encik Zainul Abidin bin Jemin
<b>Ahli Jawatan Kuasa Biasa</b>	: Tuan Hj. Sarkawi bin Hj. Hamzah BBS, ABS : Encik Ir. Jamel bin Ibrahim, PPB : Encik Husain bin Ahmad : Puan Hajijah bin Junaidi : Cik Robiah bin Tani, BBS : Puan Malati bin Tani : Encik Ariffin bin Hj. Ram bli : Encik Jimi bin Asin

Penghulu Hj. Adam bin Bujang, Kampung Bakam, Miri  
Penghulu Hj. Ahmad bin Hj. Raman, Kampung Pengkalan Lutong, Miri  
Penghulu Kipli bin Ali, Kampung Rancah-Rancah, Bekenu, Sibuti  
Penghulu Hj. Rafaiee bin Hj. Saat, Kampung Dagang, Bekenu  
Ketua Kaum Hj. Usman bin Suleiman, Kampung Pujut Tanjung Batu, Miri  
Ketua Kaum Mat bin Ali, Kampung Pengkalan Lutong, Miri  
Ketua Kaum Madani bin Wahet, Kampung Siwak Jaya, Bakam  
Ketua Kaum Aman bin Taha, Kampung Majelin, Bekenu  
Tuan Hj. Kadir bin Hj. Jeman, Kampung Tudan, Miri  
Encik Merauf bin Junaidi, Kampung Luak, Miri  
Encik Mahli bin Dawi, Kampung Riam, Miri  
Encik Ismail bin Kapil, Kampung Luak, Miri  
Encik Mohammad Redzuan bin Sapie, Kampung Pujut Tanjung Batu, Miri  
Puan Abibah binti Ani, Ocean Park, Luak, Miri  
Encik Hamid bin Ismail, Kampung Lopeng, Miri

#### **PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI**

<b>Pengurus Wilayah</b>	: Cik Hajah Salina Haji Zawawi
<b>Ketua Bahagian Perkhidmatan Teknikal</b>	: En. Ahmad Samsudin

# Sekalung Budi

Tarikh Temubual: 29 November 2019

Lokasi: Lapangan Terbang Miri

Tembual bersama **Penghulu Kipli bin Ali**,  
merupakan Penghulu Kaum Melayu Miriek  
di Kampung Rancah-Rancah, Sibuti.

Tarik Temubual: 29 November 2019

Lokasi: Bekenu, Miri

Temubual bersama  
**Penghulu Tuan Haji Rafaehee bin Haji Saat** di Bekenu.



Tarikh temubual: 30 November 2019

Lokasi: Permyjaya, Miri

Tembual bersama **Tuan Haji Kadir B Haji Jeman**



Tarikh temubual: 20 Nov 2019

Lokasi: Bakam

Temubual bersama Penghulu Adam bin Bujang.



Tarikh temubual: 29 November 2019

Lokasi: Kampung Luak

Pengukir dan pembuat nisan, Encik Marauf bin Junaidi yang berusia 63 tahun antara yang turut ditemuramah.

Tarikh temubual: 29 Nov 2019

Lokasi: Kampung Pujut Tanjong Batu, Miri

Temuramah bersama Ketua Kampung Tuan Haji Usman bin Suleiman di rumah beliau.



Tarikh Temubual: 29 November 2019

Lokasi: Kampung Menjelin, Bakam

Ketua Kampung Aman bin Taha turut ditemubual di rumahnya.


# DI SEBALIK TABIR

[12]















Cik Robiah Tani, wakil Persatuan Jatti Miriek Miri bersama salah seorang waris di tapak perkuburan.



*Encik Mahli bin Dawi*



*Haji Kawi bin Aboos*



# INDEX [13]

## A

Adat 2, 7, 11, 18, 21, 22  
Arca 33, 41

## B

Balu 15, 16, 17  
Belian 3, 4, 28, 116  
Bersilat 6, 33, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 46,  
47, 77, 95  
Budaya 2, 3, 28, 122

## C

Corak 9, 25, 37, 38

## E

Etnik 2, 3, 15, 18

## F

Flora 5, 6, 27, 30, 31, 32, 44, 47, 85

## G

Geometri 27, 30, 41, 43, 44, 85

## I

Islam 7, 9, 19, 21, 22, 30, 43, 78

## J

Jatti Miriek 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 17, 19,  
21, 22, 25, 26, 27, 28, 31, 33, 35,  
37, 39, 40, 41, 46, 47, 50, 61, 79,  
85, 122

Jenazah 14, 115

## K

Kaligrafi 30  
Kematian 2, 10, 11, 13, 14, 15, 16, 18, 19,  
21, 47

Kenduri 14

Khat 9, 30

Kubur 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 37, 50, 52, 53, 65,  
67, 71, 77, 83, 85, 91, 95, 97, 99,  
109, 113, 115, 117

## L

Larik 33, 41, 42, 43, 44

## M

Mati 2, 7, 8, 10, 13, 14, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 40, 47

Mayat 19

Melanau 3, 4, 5, 6

Melayu 7, 25, 26, 33, 45

Motif 4, 5, 6, 10, 25, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 33, 35, 38, 41, 43, 44, 45, 47, 48, 77, 78, 85

## N

Nisan 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 25, 26, 27, 28, 29, 35, 37, 39, 40, 41, 42, 46, 47, 48, 50, 53, 67, 77, 78, 85, 91, 95, 99, 116, 117

## P

Pantang Larang 15, 16, 18

Pemidang 45, 95

Penanda 2, 7, 8, 9, 78

Pengebumian 14, 16, 19, 20, 21

Pengukir 10, 30, 33, 47, 112

Pola 45, 46, 47

## S

Semangat 20, 21, 122

Simetrikal 5, 6, 32

## T

Tebuk Tembus 33, 37, 38, 39, 40, 46, 47, 95

Tebuk Timbul 4, 5, 6

Teknik 4, 5, 6, 25, 33, 34, 35, 39, 40, 41, 42, 44, 46, 47, 77, 95

Tradisi 7

Tradisional 23, 25, 26, 27, 30, 33, 45

Tulisan 8, 9, 30, 47

## U

Ukiran 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 53, 77, 91, 95, 99, 116, 117, 122

## W

Warisan 122